

# Mahathir tidak terkejut pergeseran Chandra-Marina

UM 30 JUN 2000

BANGI 29 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak terkejut dengan pergeseran yang berlaku antara Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional. Dr. Chandra Muzaffar dengan Datin Marina Yusof sehingga Naib Presiden parti itu meletakkan jawatan.

“Saya tidak hairan atau terkejut terutama dengan Chandra Muzaffar. Dia memang dari dulu nak laksanakan impiannya ke seluruh negara,” kata Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir, Timbalan Presiden Parti Keadilan itu sering mengkritik kerajaan termasuk menyifatkan pemimpin negara sebagai kuku besi atau diktator semasa beliau menganggotai badan bukan kerajaan (NGO).

“Sekarang ini, dia berpeluang untuk menunjuk kebolehan dalam parti Keadilan dan kita nampak jelas dia suka kepada cara kuku besi. Dia tuduh orang lain diktator tetapi dia sendiri yang diktator. Siapa menentang dia, kenalah. Marina tak usah katalah,” te-

gashya pada sidang akhbar setelah merasmikan Universiti Tenaga Nasional (Uniten) di sini, hari ini.

Beliau mengulas krisis kepimpinan yang melanda Parti Keadilan dengan peletakan jawatan Marina.

Surat Marina yang sarat dengan kritikan terhadap Chandra Muzaffar menjadi perhatian ramai sekarang selepas didedahkan menerusi Internet.

Kata Dr. Mahathir, pulang kepada Marina untuk mengkategorikan Chandra.

Menurut Dr. Mahathir, bekas Naib Presiden Parti Keadilan itu sebelum ini meninggalkan LJMNO bagi menyertai Semangat 46 di bawah pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah (Ku Li) kerana gagal mencapai impiannya.

Justeru, tegas Perdana Menteri, dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan kerajaan cuba menyekat pembinaan bangunan Marinara, milik Marina, tidak benar sama sekali.

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO memberitahu. UMNO akan memper-

ketatkan syarat kemasukan bekas ahli pembangkang dalam parti itu. Perdana Menteri menegaskan, langkah itu perlu untuk mengelakkan UMNO diperguna dan dihancurkan oleh golongan berkenaan dari dalam kerana pengalaman lalu membuktikan bekas ahli pembangkang hanya mahu menghancurkan parti terbesar bangsa Melayu itu.

“Kita ada pengalaman terima seseorang masuk UMNO tetapi tiada perasaan setia kepada UMNO, tiada tanggungjawab kepada prinsip UMNO. Tetapi apabila keluar daripada UMNO, dia cuba hancurkan UMNO. Semasa dalam UMNO mereka cuba hancurkan UMNO,” katanya.

Tegas Dr. Mahathir, UMNO lebih berhati-hati dalam menerima kemasukan bekas ahli parti pembangkang.

“Kita kena tahu apa sebab dia nak masuk. Kalau nak guna UMNO untuk kepentingan dia, kita tak boleh bagi. Kalau masuk kerana percaya perjuangan dan prinsip UMNO, kita terima,” ujar beliau.